KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	013.03.22	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	JMG			

150 cerun berisiko di Selangor

Kuala Lumpur: Kerajaan Negeri Selangor mengenal pasti lebih 150 cerun berisiko tinggi untuk berlaku tanah runtuh terutama sekitar Gombak, Ampang dan Hulu Langat.

Exco Infrastruktur dan Pertanian negeri Selangor Ir Izham Hashim berkata, cerun terbabit dikenal pasti menjadi tidak stabil akibat air hujan melampau sehingga menjejaskan kawasan itu.

Beliau berkata, sebahagian besar cerun berisiko dikenal pasti selepas banjir di Selangor pada Disember lepas.

"Kita sudah minta Jabatan Kerja Raya serta Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia menjalankan pemantauan dengan lebih meluas dan dengan teknologi yang ada sekarang, kejadian tanah runtuh seperti ini dapat diminimumkan," katanya.

"Kebiasaannya apabila berlaku kejadian tanah runtuh, akan ada petunjuk seperti keretakan dan runtuhan sedikit, tetapi dalam kejadian di Taman Bukit Permai 2, tiada indikasi serta berlaku secara mengejut"

Izham Hashim

Mengulas kejadian tanah runtuh itu, Izham berkata, kawasan terbabit tidak termasuk dalam senarai cerun yang berisiko.

"Kebiasaannya apabila berlaku kejadian tanah runtuh, akan ada petunjuk seperti keretakan dan runtuhan sedikit, tetapi dalam kejadian di Taman Bukit Permai 2, tiada indikasi serta berlaku secara mengejut," katanya.

Insiden tanah runtuh di Taman Bukit Permai 2, Ampang dekat sini petang Khamis meragut empat nyawa dan menyebabkan seorang cedera ringan selain menyaksikan 15 rumah serta 10 kenderaan terjejas.

Izham turut menolak kemungkinan kejadian bongkah batu yang terjatuh dari bukit berhampiran Pangsapuri Intan, Taman Bukit Permai pada 9 Mac lalu petunjuk awal tanah runtuh di Taman Bukit Permai 2.

Beliau juga berkata, kejadian bongkah batu terjatuh berdekatan pangsapuri berlaku empat kilometer dari lokasi insiden runtuh pada Khamis.